

Penafian Terhadap Kekeliruan Beberapa Ayat al-Quran dalam Mashaf ‘Uthmani

A Rebuttal on the Allegations Against Several Verses of Mashaf ‘Uthmani

Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Mohd Abdul Nasir Abd Latif & Muhammad Hasbi Abdul Rahman

*Universiti Pendidikan Sultan Idris
email: zulfiqar@fsk.upsi.edu.my*

Abstrak

Kewujudan mashaf ‘Uthmani terhasil daripada kesepakatan majoriti (ijmak) oleh seluruh para sahabat Rasulullah SAW. Namun telah timbul beberapa kekeliruan mengenai mashaf al-Quranyang bertujuan untuk memusnahkan ketulenan al-Quran. Usaha mereka ini sedikit sebanyak membuatkan umat Islam keliru tentang Mashaf al-Quran. Kajian ini secara umumnya adalah kajian kualitatif dan merupakan kajian perpustakaan. Secara keseluruhan terdapat enam dakwaan yang telah dijadikan modal dalam menyerang ketulenan al-Quran iaitu; penolakan terhadap status mutawatirayat 128 Surah al-Tawbah, ayat 23 Surah al-Ahzab, ayat 144 surah Ali ‘Imran, pengguguran ayat berkenaan jumlah penyusuan, dakwaan kehilangan ayat yang dibuat oleh Abd Allah bin ‘Umar dan dakwaan terdapat kesalahan dalam Mashaf ‘Uthmani. Kesimpulannya, segala usaha untuk menafikan ketulenan al-Quran telah berjaya disangkal oleh para ulama dan sarjana Islam.

Kata Kunci : Syubhah (Kekeliruan), Mashaf ‘Uthmani, Teks al-Quran,

Abstract

Mashaf ‘Uthmani was created based on the consensus (ijmak) of the companions of Rasulullah SAW. Despite of this fact, there were allegations with regard to its authenticity, which made some muslims confused and doubtful. This research is used qualitative using library research as the main method. In general. There are six allegations doubting the authenticity of the Quran; the refusal to accept the mutawatir status of verse 128 Surah Ali ‘Imran, the abrogation of verses about suckling, allegations on loss of verses by Ibn ‘Umar, and allegations that there were errors in the mushaf ‘Uthmani. In conclusion, efforts to discredit the authenticity of al-Quran have been successfully rebutted by muslim scholars.

Keywords : An Allegations, Mashaf ‘Uthmani, Quranic textual.

Pengenalan

Pada zaman Rasulullah SAW lagi usaha-usaha untuk memelihara dan mengumpulkan al-Quran telah wujud. Bukan sahaja pengumpulan secara hafazan bahkan juga pengumpulan secara penulisan. Setiap kali wahyu diturunkan oleh Allah Taala, Baginda SAW akan membacanya di hadapan para sahabat dan memerintahkan mereka menulisnya selaras dengan apa yang telah dihafaz selain membantu hafalan masing-masing.

Semasa hayat Rasulullah SAW, baginda menjadi tempat rujukan untuk semua bentuk bacaan al-Quran. Keadaan masih aman dan tenang tanpa sebarang konflik dalam konteks bacaan al-Quran pada zaman Khalifah Abu Bakr r.a dan ‘Umar al-Khattab r.a. Akan tetapi keadaan ini tidak berlaku lagi pada zaman ‘Uthman kerana wilayah pemerintahan Islam sudah meluas. Objektif asal bacaan al-Quranyang bertujuan memudahkan umat telah bertukar menjadi pertelingkahan dalam kalangan umat Islam pada ketika itu. (Idris Hamid Muhammad, 2003).

Atas persetujuan syura sahabat pada ketika itu, Khalifah ‘Uthman r.a telah memerintahkan agar segala perselisihan diselesaikan. Khalifah ‘Uthman r.a telah memerintahkan supaya dibuat penyalinan al-Quran dari naskhah asal yang berada dalam tangan Hafsah binti ‘Umar r.a untuk disebarluaskan ke pelusuk tanah jajahan Islam. Ia bertujuan menyatukan bacaan al-Quran dan mengelakkan fitnah dan pertelingkahan yang berlanjut (al-Tabari, 2000). Semasa mengulas tentang timbul dan tersebarnya pelbagai Qira’at, Ibn Jinni (1994) telah berkata : “*riwayat mengenai Qira’at yang bersifat marfu’ kepada Rasulullah SAW seperti ini dan yang seumpama dengannya telah mempercepatkan tersebarnya Qira’at-Qira’at seperti ini*”.

Kelahiran mashaf ‘Uthmani telah disambut oleh kesepakatan majoriti (*ijmak*) oleh seluruh para sahabat Rasulullah SAW. Mashaf ‘Uthmani ini telah diterima oleh mereka sebagai ‘*al-Imam*’ yang menjadi sumber dan tempat rujukan yang sah dalam menentukan sifat al-Quran dan *rasm al-mashaf* dalam bentuk tulisan. Dengan lahirnya mashaf Uthmani, maka bacaan Qira’at yang pelbagai sama ada berpunca daripada perbezaan dalam *Sab’ah Ahruf*, periwayatan sahabat r.a daripada Rasulullah SAW yang bertaraf ‘*khabar ahad*’ atau yang bersifat tafsiran-tafsiran daripada para Sahabat telah dipisah dan diasingkan dari mashaf.

Sekalipun telah diasingkan dan dipisahkan dari mashaf, para musuh Islam tetap cuba mengkaji dan menggali periwayatan ini bertujuan untuk menimbulkan pelbagai kekeliruan (الشبهة) mengenai pembukuan mashaf al-Quran. Menurut al-Mujam al-Wasit (2004) istilah (الشبهة) bermaksud ‘sesuatu yang mengelirukan dan tidak diketahui sama ada ianya halal atau haram atau tidak diketahui ianya benar atau batil’. Di antara kekeliruan yang ditimbulkan ialah terdapat ayat-ayat yang didakwa sebagai bukan sebahagian daripada al-Quran dan terdapat dakwaan yang mengatakan ada ayat al-Quran yang tertinggal.

Sejarah Teks al-Quran

Pada zaman awal perkembangan Islam, tidak ramai dalam kalangan sahabat yang tahu membaca dan menulis. Antara mereka yang tahu membaca dan menulis ialah para Khulafa’ al-Rashidin, Abu Sufyan, Talhah bin ‘Ubayd Allah, Mu’awiyah bin Abi Sufyan, Aban bin Sa’id dan al-Ala’ bin al-Muqri’. Manakala sahabat yang tahu membaca dan menulis di Madinah pulang antaranya ialah; Umar bin Sa’id, Ubay bin Ka’ab, Zayd bin Thabit dan al-Mundhir bin Amru. (Shaban Muhammad Isma’il, 2001). Selepas hijrah, ramai para sahabat telah mempelajari membaca dan menulis dan ia semakin meluas dan aktif apabila dalam kalangan tawanan perang juga disyaratkan untuk mengajar umat Islam membaca dan menulis. (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1986).

Al-Bukhari (1993) telah mengemukakan tujuh nama penghafaz al-Quran melalui tiga periwayatan. Mereka adalah ‘Abd Allah bin Mas’ud, Salim bin Ma’qal bekas budak Abu Hudhayfah, Mu’adh bin Jabal, Ubay bin Ka’ab, Zayd Bin Thabit, Abu Zayd bin Sakan dan Abu Darda’ r.a. Sejumlah tujuh orang ini merujuk kepada hafazan yang meliputi keseluruhan kandungan al-Quran dan merupakan orang yang selalu memperdengarkan bacaan di hadapan Rasulullah SAW. (Manna Qattan, 1998).

Perkembangan penulisan dan penyalinan al-Quran terus berkembang sehingga ke hari ini. Secara umumnya perkembangan teks al-Quran merujuk kepada empat iaitu penulisan teks asal pada zaman Rasulullah SAW, pembukuan pada zaman Abu Bakr al-Siddiq, penyalinan semula dan penyebaran al-Quran pada zaman ‘Uthman al-Affan dan penambahbaikan iaitu pada zaman pasca sahabat.

- i) Teks al-Quran pada zaman Rasulullah SAW : Pada zaman Rasulullah SAW, sandaran pada hafalan lebih banyak daripada tulisan kerana hafalan para sahabat sangat kuat dan cepat selain tidak ramai dalam kalangan mereka yang mampu membaca dan menulis. Selain itu, peralatan-peralatan yang diperlukan untuk menulis juga tidak begitu banyak. Oleh itu apabila

mereka mendengar dan mempelajari satu ayat, mereka akan terus menghafaz atau menulisnya dengan kelengkapan seadanya antaranya di pelepas kurma, potongan kulit, permukaan batu atau tulang belakang unta. Ini sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (1993) daripada Zayd bin Thabit r.a iaitu :*Maka aku telah mencari al-Quran dan menghimpunkannya daripada pelepas tamar, kepingan batu dan dari dada (ingatan) para penghafaz al-Quran.* (Al-Bukhari 1993. Bab *Jam' al-Quran*. No. Hadith : 4603)

- ii) Teks al-Quran pada zaman Abu Bakr al-Siddiq r.a: Penghimpunan atau penulisan dalam zaman Khalifah Abu Bakr r.a. adalah merupakan penyalinan ayat-ayat al-Quran secara keseluruhannya yang ditulis dalam bentuk “*Suhuf*”. Muhammad Abu Shahbah (1987) menyatakan *Suhuf* dari sudut bahasa ialah kata jamak kepada *al-Sahifah* (الصحف) merupakan sebahagian atau sepotong daripada kulit atau kertas untuk ditulis di atasnya. Manakala istilah ia bermaksud isi kandungan al-Quran dan dikenali kemudiannya dengan nama *al-Mashaf* (المصحف) bermula zaman Abu Bakr al-Siddiq. Menurut al-Haris al-Muhasabi beliau menyatakan al-Quran dikumpulkan pada satu tempat dengan menggunakan kertas serta ianya diikat dengan benang dan dinamakan sebagai *mashaf*. (al-Zarkashi 2001)
- iii) Teks al-Quran pada zaman ‘Uthman bin ‘Affan r.a: Apabila zaman pemerintahan Khalifah ‘Uthman r.a, beliau telah meminta naskhah yang berada pada tangan Hafrah untuk disalin semula (al-Hammad, 1982). Setelah disalin, ia telah disalin pada kertas daripada kulit pokok. Ini merujuk kepada beberapa gambaran riwayat serta pengesahan terhadap mashaf *Uthmani* yang masih kekal hingga hari ini. *Mashaf al-Imam* yang mempunyai tompokan darah Khalifah ‘Uthman r.a merupakan lembaran kertas dari pokok dan diikat dengan benang di bahagian tepi untuk mengelakkan ia dari bertaburan. (al-Suyuti, 1999).
- iv) Teks al-Quran pada zaman pasca Sahabat : Selepas berlalu zaman Khalifah ‘Uthman r.a , keadaan mashaf al-Quran pada ketika itu masih belum mempunyai tanda baca iaitu titik dan baris. Ini kerana umat Islam pada ketika itu berkemampuan membaca al-Quran sekalipun tidak terdapat titik dan baris. Ia juga sesuai dan boleh dibaca berdasarkan lajhah-lajhah Arab yang menjadi bentuk-bentuk Qiraat yang diharuskan oleh Allah Taala (Manna’ Qattan, 1998).

Muhammad al-Habshi (1999) mengemukakan dua pendapat sejarah dalam memasukkan baris dalam mashaf *Uthmani*. Pertama, ia bermula pada zaman Khalifah Muawiyyah bin Abi Sufyan yang merupakan pendapat yang masyhur, kedua; ialah bermula pada zaman Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. Al-Mubarrad (286H) menyatakan : “*Orang yang pertama meletakkan titik dalam mashaf ialah Abu al-Aswad al-Du’ali yang merupakan sahabat Ali bin Abi Talib. Dinyatakan juga oleh Ibn Sirin, mashaf telah diletakkan titik ialah Yahya bin Ya’mar, manakala al-Jahiz pula menyatakan perletakan titik dalam kitab yang telah disebarluaskan (pada setiap wilayah) iaitu Nasr bin Asim merupakan orang yang pertama meletakkan titik pada al-Quran*”. (al-Zarkashi, 2001)

Selain titik dan baris, bentuk mashaf dari sudut kandungan hakikatnya telah melalui banyak pembaharuan. Antara pembaharuan yang berlaku ialah perubahan bentuk baris, perubahan kedudukan titik, tanda-tanda huruf yang *hadhaf*, tanda huruf *ziyadah*, huruf ganti, tanda *mad*, *silah mim al-jam*, tanda *tashil* dan *hamzah al-qat* idan *al-wasl*, tanda *ikhtilas*, *raum*, *isymam* dan *imalah*. Selain itu, terdapat juga tanda yang tiada kaitan dengan *rasm al-Quran* iaitu seperti tanda-tanda *al-Waqf*, tanda *al-Sakt*, tanda *fawasil*, tanda *sajadah* dan tanda pembahagian *al-Ajza*, *al-Ahzab*, *al-Arba*, *al-Akhmas* dan *al-Asyar* (al-Hammad, 1982). Kini terdapat pelbagai lagi tanda dimasukkan dalam al-Quran iaitu seperti tanda yang berwarna seperti kalimah yang menyatakan nama Allah Taala, bacaan secara bertajwid dan beberapa proses pengindahan seperti bingkai dan keterangan ayat al-Quran.

Selain itu, kini terdapat mashaf al-Quran yang dimuatkan secara maya iaitu berada dalam penggunaan gajet pintar (*smart gadget*), komputer dan juga telefon tangan. Ini semua menunjukkan berlaku proses perubahan dalam bentuk mashaf ‘Uthmani dari masa ke semasa.

Dakwaan Musuh Islam Terhadap Ketulenan al-Quran

Setelah diteliti terdapat enam isu berkaitan dengan ayat-ayat yang didakwa sebagai bukan sebahagian dari al-Quran iaitu sebagaimana berikut :

1. Dakwaan tidak *mutawatir* berasaskan Ayat 128 Surah al-Tawbah dan ayat 23 Surah al-Ahzab
2. Dakwaan ayat 144 surah Ali ‘Imran merupakan ucapan Abu Bakr al-Siddiq
3. Terdapat ayat 125 Surah al-Baqarah al-Quranyang merupakan ucapan Umar al-Khattab
4. Pengguguran Ayat Berkennaan Jumlah Penyusuan Dalam al-Quran.
5. Dakwaan Kehilangan Sebahagian Ayat al-Quran Menerusi Periwayatan ‘Abd Allah bin Umar
6. Dakwaan Terdapat Kesalahan (اللحن) dalam Mashaf ‘Uthmani.

Berikut diuraikan antara ayat-ayat yang didakwa sebagai bukan sebahagian daripada al-Quran;

1. Dakwaan Tidak Mutawatir berasaskan Ayat 128 Surah al-Tawbah dan ayat 23 Surah al-Ahzab .

Terdapat dua riwayat yang menunjukkan 2 ayat berkenaan iaitu ayat 128 Surah al-Tawbah dan ayat 23 Surah al-Ahzab hanya didapati daripada Khuzaymah al-Ansari sahaja tidak dan orang lain. Justeru ia menjadikan, pengumpulan ayat menerusi tulisan adalah secara *ahad* tidak *mutawatir*. Dakwaan ini berasaskan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari bersumberkan dari Zayd bin Thabit telah berkata:

فَقَمْتُ فَنَتَبَعَتِ الْقُرْآنَ أَجْمَعَهُ مِنِ الرِّقَاعِ وَالْأَكْتَافِ وَالْعَسْبِ وَصَدْرِ الرِّجَالِ حَتَّى وَجَدْتُ مِنْ سُورَةِ النُّورِ آيَتَيْنِ مَعَ خَزِيعَةِ الْأَنْصَارِيِّ لَمْ أَجِدْهَا مَعَ أَحَدٍ
 غيره {لقد جاءكم رسول من أنفسكم عزيز عليه ما عنتم حريص عليكم }

Maksud : *Maka aku pun laksanakan, dengan mencari (ayat-ayat) al-Quran dan mengumpulkannya dari kepingan-kepingan batu (riqa') tulang-tulang (aktaf), pelepas-pelepas tamar ('usub) dan dan ingatan orang ramai, sehingga atau mendapatkan dua ayat dari surah al-Tawbah pada Khuzaymah al-Ansari yang aku tidak mendapatinya dan orang lain. (Ayat tersebut iaitu dari Surah al-Bara'ah ayat 128).* (al-Bukhari, 1993. Bab Qawlhi Ta'ala, Laqad Ja'akum Rasulun min Anfusikum. No. Hadith : 4311, 4603, 4605 dan 6654)

Hadith riwayat al-Bukhari berdasarkan sanad daripada Zayd bin Thabit telah berkata:

لَا نَسْخَنَا الصَّحْفَ فِي الْمَصَاحِفِ فَقَدِتْ آيَةً مِنْ سُورَةِ الْأَحْزَابِ كَثِيرًا أَسْعَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرُؤُهَا لَمْ أَجِدْهَا مَعَ أَحَدٍ إِلَّا مَعَ خَزِيعَةِ الْأَنْصَارِيِّ الَّذِي جَعَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَهَادَتَهُ شَهَادَةَ رَجُلَيْنِ { مِنَ الْمُؤْمِنِينَ رَجُالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهُ عَلَيْهِ }

Maksud : *Apabila kami menyalin mashaf ke dalam beberapa mashaf aku kehilangan satu ayat dari surah al-Ahzab, aku banyak kali mendengar Rasulullah (s.a.w) membacanya. Aku tidak mendapatinya kecuali ada pada Khuzaymah al-Ansari yang Rasulullah menjadikan kesaksianya menyamai dua orang lelaki.* (al-Bukhari, 1993. Bab Famin hum Man Qada Nahbahu Wa Minhum Man Yantazir. No Hadith : 4411 dan 3743)

Kenyataan penafian kedua ayat ini masih digunakan sebagai hujah. Antaranya ialah dalam laman <http://www.answering-islam.org>. Ini boleh dirujuk pada artikel The Initial Collection Of The Quran Text tulisan John Gilchrist.

Jawapan : Terdapat dua periwayatan berkenaan dengan isu ini iaitu pertama; riwayat pertama adalah merujuk pada semasa pengumpulan iaitu zaman Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a dan riwayat kedua ialah merujuk kepada zaman Khalifah Uthman r.a iaitu penyalinan semula mashaf. Kedua-dua ayat ini berbeza situasi dan masa berlaku antara satu sama lain.

Dakwaan sebegini sebenarnya tidak menafikan al-Quran itu *mutawatir*. Sekalipun dua ayat berkenaan hanya didapati daripada Khuzaymah al-Ansari sahaja secara bertulis, sebenarnya dari segi hafalan ramai dalam kalangan sahabat yang menghafaz kedua ayat tersebut termasuklah Zayd bin Thabit sendiri (al-Zarqani, 1988). Bilangan mereka yang menghafaz ayat-ayat itu adalah *mutawatir*. (Abu Shahbah, 1922 dan SubhiSalih,1990).

Hakikatnya, gabungan antara hafazan dan penulisan adalah bertujuan untuk pengukuhan dan keyakinan dalam proses pengumpulan al-Quran. (al-Zarqani, 1988). Ayat ini telah dihafaz oleh ramai sahabat, disaksikan oleh ramai sahabat bahawa ianya ditulis, namun yang terdapat hanyalah tulisan atau rekod yang berada di dalam simpanan Abu Khuzaimah.

2. Dakwaan ayat 144 surah Ali Imran merupakan ucapan Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a.

Dakwaan ini adalah merujuk kepada ayat 144 surah Ali ‘Imran sebagaimana berikut :

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَقْتَ مِنْ قَبْلِهِ الرِّئَسُ لِأَفِانْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ اشْقَابِيْمُ عَلَى أَعْقَابِكُمْ

Maksud : *Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang rasul. Jika sekiranya ia telah mati atau terbunuuh (apakah patut) kamu berbalik (berpaling menjadi kafir).*

Jawapan : Ibn Kathir (1999) menyatakan terdapat sangkaan yang menyatakan ayat ini adalah merupakan kata-kata Abu Bakr semasa menenangkan para sahabat pada ketika kewafatan Rasulullah SAW. Dakwaan ini merupakan pendustaan ke atas Abu Bakr r.a. Sebenarnya ayat ini telah diturunkan di dalam peperangan Uhud sewaktu orang islam menerima kekalahan di tangan orang-orang kafir. Di dalam peperangan Uhud Rasulullah SAW telah luka di kepala sehingga ramai orang Islam yang menyangka Rasulullah SAW telah wafat dan mereka pun merasa lemah dan berundur dari berperang, lalu Allah turunkan ayat ini (Ibn Kathir, 1999).

Ia merupakan peringatan kepada orang Islam bahawa Rasulullah SAW itu adalah seorang manusia yang juga akan menghadapi kematian sebagaimana manusia lain. Ayat ini hakikatnya adalah peringatan dan merupakan kata ulang yang dibaca oleh Abu Bakr r.a di hadapan orang ramai sewaktu Rasulullah SAW wafat dan keadaan orang ramai pada ketika itu tidak berapa tenang. Abu Bakr r.a berkhotbah di minbar dan teleh berkata:

فمن كان منكم يعبد محمدا صلي الله عليه وسلم فإن الله قد مات ومن كان منكم يعبد الله فإن الله حي لا يموت قال الله { وما محمد إلا رسول قد خلت من قبله الرسل إلى قوله الشاكرين }

Maksud : *Maka sesiapa yang menyembah Muhammad SAW maka Muhammad telah mati, tetapi sesiapa yang menyembah Allah maka Allah itu hidup dan tidak mati, kemudian Abu Bakr r.a membaca: الشاكرين { وما محمد إلا رسول قد خلت من قبله الرسل } sehingga (al-Bukhari, 1993. Bab al-Dukhul ‘Ala Mayit Ba’d al-Mawt. No. Hadith : 1165 dan 4097)*

Latar belakang penduduk Madinah pada ketika itu dalam keadaan kesedihan yang amat sangat sehingga menjadikan mereka tidak tenteram kerana berita kewafatan Nabi SAW. Diriwayatkan keadaan ini juga dirasai oleh 'Umar al-Khattab r.a yang tidak menerima kewafatan Rasulullah SAW. Setelah itu umat Islam diingatkan semula oleh Abu Bakr r.a tentang ayat ini yang akhirnya semua menerima dengan hati terbuka. (Ibn Hajar, 1379H).

Dari keterangan di atas jelas, ayat al-Quran tersebut adalah telah diturunkan pada masa Rasulullah SAW masih hidup, iaitu pada masa tercetusnya perang Uhud. Ayat ini telah ditulis dan dihafaz oleh para sahabat. Oleh kerana diselubungi perasaan sedih dan kelam kabut menjadikan ayat yang telah dihafaz itu hilang sebentar dari ingatan. Ini sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari (1993):

وَاللَّهُ لِكُلِّ النَّاسِ لَمْ يَكُونُوا يَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَهَا حَتَّىٰ تَلَاهَا أَبُو بَكْرٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَلَقَاهَا مِنْهُ النَّاسُ فَمَا يَسْمَعُ بَشَرٌ إِلَّا يَتَلَوَهَا

Maksud: *Demi Allah seolah-olah orang ramai tidak mengetahui bahawa Allah telah menurunkan ayat ini sehingga apabila dibaca oleh Abu Bakr r.a. Dan orang ramai mula membaca ayat berkenaan dengan mengikuti bacaan (ayat tersebut)* (al-Bukhari, 1993. Bab al-Dukhul 'Ala Mayyit Ba'd al-Mawt No. Hadith: 1165)

3. Dakwaan ayat 125 Surah al-Baqarah al-Quran yang merupakan ucapan 'Umar al-Khattab r.a.

Ayat yang dikatakan bukan merupakan ayat al-Quran dan didakwa merupakan kata-kata Umar al-Khattab. Ayat ini dikatakan merupakan permintaan yang dibuat oleh 'Umar kepada Rasulullah untuk dijadikan maqam Ibrahim antara tempat untuk solat. Ayat ini berada dalam Surah al-Baqarah ayat 125 berikut :

وَأَنْجِلُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلَّى

Maksud : *Dan jadikanlah maqam Ibrahim itu sebagai tempat untuk kamu solat.*

Untuk menjawab dakwaan ini, al-Bukhari telah menukikan periwayatan dari 'Umar al-Khattab sendiri sebagaimana berikut :

وَفَقَتْ رَبِّي فِي ثَلَاثَ قَلْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ لَوْ اخْتَذَنَا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلِّى { وَاتَّخِلُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلِّى } وَآيَةُ الْحِجَابِ قَلْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ لَوْ أَمْرَتْ نِسَاءَكَ أَنْ يَخْجُلْنَ بِالرِّبْرَاجِ فَنَزَّلَتْ آيَةُ الْحِجَابِ وَاجْتَمَعَ نَسَاءُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْغَيْرَةِ عَلَيْهِ فَقَلْتَ هُنَّ { عَسَى رَبِّي إِنْ طَلَقَكُنْ أَنْ يَبْلُغَ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكُنْ } فَنَزَّلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ

Maksud : *Tuhanku (Allah Taala) telah bersetuju denganku dalam tiga (perkara). Aku telah berkata: Wahai Rasulullah! Kalau-lah kita jadikan maqam Ibrahim itu sebagai tempat sembahyang. Lalu Allah menurunkan ayat : Hendaklah kamu jadikan maqam Ibrahim itu sebagai tempat sembahyang. (Kedua) Mengenai ayat hijab, aku berkata: Wahai Rasulullah kalau-lah engkau suruh isteri-isterimu memakai hijab kerana yang bercakap kepada mereka itu orang baik dan orang jahat, maka turunlah ayat hijab. (Ketiga) Isteri-isteri Rasulullah berhimpun kerana cemburu maka aku berkata kepada mereka: Sekiranya Baginda mentalak kamu mungkin Tuhananya akan menggantikan yang lebih baik dan kamu, lalu turun ayat seperti itu.* (al-Bukhari, 1993. Bab Man Ja'a fi al-Qiblah: 387)

Hadith sahih ini menceritakan latar belakang penurunan ayat 125 surah al-Baqarah ini. Ia menunjukkan bahawa Umar al-Khattab r.a telah bermohon kepada Rasulullah SAW untuk menjadikan maqam Ibrahim a.s itu dijadikan salah satu tempat sembahyang yang *afdal*. Lalu Allah Taala telah menurunkan ayat memperkenankan permohonan Umar al-Khattab r.a itu. Boleh juga dikatakan kehendak 'Umar itu bersesuaian dengan kehendak Allah. Selain itu,

dakwaan yang mengatakan perkataan ini datang dari Umar tertolak dengan sendirinya apabila ‘Umar al-Khattab sendiri menyatakan bahawa ayat 125 surah al-Baqarah itu sememangnya turun.

Selain itu jika diperhatikan antara lafaz hadith riwayat al-Bukhari ini dengan ayat al-Quran menunjukkan terdapat perbezaan iaitu yang pertama adalah datang dari perkataan Saidina ‘Umar dan yang kedua dari Allah Taala yang selaras dengan kehendak Umar al-Khattab r.a. (Udah Mohsin, 2002)

4. Pengguguran Ayat Berkenaan Jumlah Penyusuan Dalam al-Quran.

Antara ayat al-Quran yang gugur daripada al-Quran ialah ayat berkenaan jumlah penyusuan dalam al-Quran. Ia berdalilkan kepada periwayatan daripada ‘Aishah r.a menerusi riwayat Muslim dan Ibn Abu Dawud (2002) sebagaimana berikut :

عن عائشة أختها قالت كان فيما أنزل من القرآن عشر رضعات معلومات يحرمن ثم نسخ بخمس معلومات فتوفي رسول الله صلى الله عليه وسلم وهن فيما يقرأ من القرآن

Makna : Daripada ‘Aishah r.a telah berkata “Telah turun ayat Al Quran bahwa sepuluh kali susuan menjadikan seseorang sebagai mahram kemudian dinasakh dengan lima kali penyusuan. Rasulullah SAW wafat dan ayat-ayat itu masih dibaca sebagai (sebahagian) daripada Al Quran. (Muslim, 1365H. Bab al-Tahrim bi Khams Rada’at. No. Hadith : 2634 dan 2635)

Jika diperhatikan kepada hadith berkenaan ia menyatakan bahawa ada dua ayat Al Quran yang pernah turun kepada Nabi SAW iaitu pertama berkenaan dengan; Ayat sepuluh kali susuan “tidak menjadikan mahram kecuali sepuluh susuan” dan kedua ialah ayat lima kali susuan “atau lima kali susuan”.

Dakwaan ini menyatakan bahawa ‘Aisyah r.a menjelaskan bahawa hukum “sepuluh kali susuan” menyebabkan menjadi mahram telah dinasakh dengan jumlah “lima kali susuan”. Hadith sahih riwayat Muslim menunjukkan kesaksian ‘Aisyah r.a bahawa yang dinasakh itu adalah hukumnya sahaja sedangkan bacaannya masih ada di dalam al-Quran. Ia boleh dilihat pada lafaz “Rasulullah SAW wafat dan ayat-ayat itu masih dibaca sebagai Al Quran”. Justeru difahami iaitu, menurut Aisyah r.a, sehinggalah Rasulullah SAW wafat, Baginda SAW tidak pernah menasakhkan bacaan ayat tersebut dan ia dibaca sebagai sebahagian dari Al-Quran.

Selain itu, ia juga boleh difahami dengan bahawa terdapat ayat lain yang menggantikan hukum berkenaan dengan menyatakan tentang “lima susuan”. Namun sekiranya diteliti di dalam al-Quran, tidak terdapat ayat yang menyebutkan “sepuluh kali susuan” atau “lima kali susuan”. Justeru, di manakah hilangnya ayat tersebut dan apakah terdapat penyelewengan dalam pengumpulan al-Quran. (Abu Shahbah, 1987)

Untuk mengulas dan menolak dakwaan ini, al-Suyuti (1987) menyatakan bahawa periwayatan Muslim sekalipun ianya sahih ia hanyalah bertaraf Ahad justeru ia tidak menjelaskan al-Quran kerana taraf al-Quran adalah bersifat *mutawatir*. Selain itu ia juga adalah tidak bertentangan secara *qat'i* dengan al-Quran. Ia bukanlah menunjukkan terdapat dakwaan ia hilang daripada al-Quran atau menunjukkan al-Quran menjadi tidak *mutawatir* kerana tiada ayat berkenaan.

Selain itu Abu Shahbah (1987) menjelaskan bahawa hadith itu merupakan khabar atau pemberitahuan bukan merujuk langsung kepada ayat al-Quran. Ibn Hajar al-Asqalani (2008) menjelaskan bahawa hadith ini hakikatnya bukan merujuk langsung kepada ayat al-

Quran bahkan ia merupakan satu ketetapan hukum syarak yang dijelaskan berdasarkan sunnah Nabi SAW. Terdapat khilaf dalam periyawatan lain berhubung dengan hukum jumlah penyusuan berkenaan. Ibn Hajar menjelaskan bahawa terdapat periyawatan lain seperti dalam *al-Muwatta'* Malik menjelaskan sepuluh kali penyusuan, ada yang meriwayatkan tujuh kali susuan berdasarkan riwayat Abd al-Razzaq dan Ibn Abi Khaythamah. Perselisihan ini menunjukkan bahawa ianya merupakan ijtihad berdasarkan sunnah Nabi SAW dan sekiranya ia adalah daripada al-Quran nescaya tidak akan berlaku khilaf sedemikian. (Ibn Hajar al-Asqalani, 2008)

Al-Nawawi (1392H) dalam syarahnya tentang hadith Muslim tersebut menyatakan bahawa berlakunya *nasakh* dalam ayat berkenaan adalah terlalu lewat dan dekat dengan kewafatan Nabi SAW. Sehingga apabila Rasulullah SAW wafat masih ada dalam kalangan sahabat membaca ayat berkenaan iaitu dengan mengira ayat berkenaan merupakan sebahagian daripada al-Quran. Namun apabila sampai kepada mereka tentang berlakunya *nasakh* pada ayat berkenaan, mereka telah bertindak meninggalkannya.

5. Dakwaan Kehilangan Sebahagian Ayat al-Quran Menerusi Periyawatan ‘Abd Allah bin ‘Umar.

Dakwaan terdapat ayat al-Quran yang hilang ini dipetik dari periyawatan oleh Ibn ‘Umar sebagaimana berikut (Khalid Kabir ‘Ilal, 2008):

عن عبد الله بن عمر - رضي الله عنهما - قال : لا يقولون أحدكم قد أخذت القرآن كله ، و ما يذر به ما كله ! ، قد ذهب قرآن كثير ، و لكن ليقل : قد أخذت منه ما ظهر

Maksud : *Abd Allah bin ‘Umar r.a telah berkata : Janganlah seseorang itu berkata: Aku telah mengambil keseluruhan al-Quran, sesungguhnya telah banyak yang hilang, tetapi katalah: Aku telah mengambil apa yang terdapat darinya.*

Periyawatan Ibn ‘Umar r.a yang menyatakan tentang kehilangan ayat al-Quran ini telah digunakan oleh para pengkritik Quran antaranya John Gilchrist (1989) dalam artikelnya bertajuk *The Mushaf: An Incomplete Record Of The Quran Text* dalam buku *Jam' al-Quran: The Codification of the Quran Text*.

Berdasarkan pencarian yang telah dibuat berdasarkan kitab-kitab hadith, tafsir dan sebagainya, penulis menemui hanya dalam kitab al-Suyuti (2003) iaitu *al-Durr al-Manthur* menaqlakan hadith ini dalam kitabnya berserta periyawatan. Selain daripada itu kajian ini tidak mendapatinya kecuali melalui buku dan kitab yang mengulas tentang hadith tersebut. Antara kitab yang menyatakan hadith ini antaranya ialah *al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran* karangan al-Suyuti dan *Fada’il al-Quran* karangan Qasim bin Salam. Berdasarkan kajian sanad menunjukkan lafadz sanad menunjukkan dalam perbincangan hadith *al-Mu'an'an* merupakan bentuk sandaran bukan menunjukkan berlakunya penyampaian secara langsung. (al-Suyuti, 1987).

Manakala yang menyatakan secara jelas hadith ini palsu ialah antaranya al-Zarqani dalam *Manahil al-Irfan*, kitab *Ahadith Yahtajj bih al-Syi‘ah* karangan ‘Abd al-Rahman Muhammad Sa‘id Dimasyq dan Muhammad bin Ja‘far al-Kattani, t.t. *Nuzm al-Mutanathir min al-Hadith al-Mutawatir*. Walau bagaimanapun kajian ini belum menemui nas ini melalui sanad yang sahih, oleh itu, penulis bersetuju dengan pendapat al-Zarqani yang mengatakan bahawa perkataan ini adalah disandarkan kepada Ibn ‘Umar secara salah dan palsu (al-Zarqani, 1998). Dengan lain perkataan Ibn ‘Umar tidak memperkatakan perkataan ini tetapi hanya dinisbahkan kepadanya sahaja bertujuan supaya kelihatan kuat.

Selain itu, kelahiran mashaf ‘Uthmani telah disambut oleh kesepakatan majoriti (*ijma’*) oleh seluruh para sahabat Rasulullah SAW. Justeru, tidak timbul ada sahabat yang ingkar, dan sekalipun ada yang ingkar ia tetap tidak boleh menyanggah majoriti (*ijma’*) seluruh para sahabat.

6. Dakwaan Terdapat Kesalahan (اللحن) dalam Mashaf ‘Uthmani.

Kenyataan bahawa terdapat kesalahan dalam mashaf ‘Uthmani ini adalah berasaskan kepada dua periwayatan berikut :

عكرمة قال : لما كتبت المصاحف عرضت على عثمان فوجد فيها حروفاً من اللحن فقال : لا تغيروها فإن العرب ستغييرها أو قال : ستقرؤها بالستتها
لو كان الكاتب من ثقيف والمملئ من هذيل لم توجد فيه هذه الحروف

Maksud : *Ikrimah telah berkata : Ketika mana aku menulis al-Mashaf, aku telah membentangkannya di hadapan ‘Uthman, dan aku dapati terdapat kesalahan. ‘Uthman telah berkata: Jangan kamu mengubahnya kerana sesungguhnya orang Arab akan memperbetulkannya atau telah berkata : Akan membacanya dengan lidah (loghat) mereka sekiranya penulis itu dari (bani) Thaqif dan penulisnya dari Hudhayl tidak akan dijumpai padanya bentuk / huruf ini.*

Yang kedua ialah periwayatan dari Sa’id bin Jubayr :

عن سعيد بن جبير قال : « في القرآن أربعة أحرف لحن : الصابعون (1) ، والمقيمين (2) ، فأصدق وأ肯 من الصالحين (3) ، وإن هذان لساحران : (4)

Maksud:*Dari pada Sa’id bin Jubayr telah berkata : Dalam al-Quran terdapat empat Lahn: iaitu pada perkataan (1) ، والمقيمين (2) ، فأصدق وأ肯 من الصالحين (3) ، وإن هذان لساحران (4).*

Untuk menjawab dakwaan dan tuduhan yang menyatakan terdapat kesalahan kesalahan dalam mashaf ‘Uthmani sebagaimana berikut :

Merujuk kepada periwayatan yang pertama periwayatan berkenaan sanadnya adalah *da’if mudtarib munqati’*¹. (Mahmud al-Alusi, 1415H). Ini kerana seorang perawinya iaitu Abd Allah bin Fatimah adalah *majhul* (tidak diketahui) dan tidak diterima periwayatannya. (al-Suyuti, 1999). Manakala periwayatan kedua yang diriwayatkan oleh Sa’id bin Jubayr, al-Suyuti (1999) menyatakan periwayatan ini sebagai *musykilah jiddan* (sangat dimusyikikan).

Sekiranya berlaku kesalahan atau kesilapan, adalah mustahil para sahabat hanya bersikap berdiam diri tanpa mengulas atau membincangkan isu berkenaan. Ini kerana para sahabat adalah mereka yang fasih dalam membaca al-Quran, bertalaqqi sendiri dengan Nabi SAW serta mustahil mereka akan bersepakat untuk senyap dan bersetuju sekiranya terdapat kesalahan dalam penulisan al-Quran. (Abu Zayd, 1419H).

Terdapat riwayat yang menyatakan dengan jelas bahawa sahabat amat menitik berat sekiranya berlaku kesalahan dalam bacaan dan tulisan al-Quran.

عن هاني البربرى مولى عثمان، قال: كتب عبد عثمان وهم يعرضون المصاحف، فأرسلوا بكف شاة إلى أبي بن كعبٍ، فيها: (لَمْ يَشْتَهِ)،
وفيها: (لَا تَبْدِيلَ لِلْحُكْمِ)، وفيها: (فَأَمْهَلَ الْكَافِرِينَ)، قال: فدعوا بالدواء، فمحى أحد الlamines، فكتب: (لِجُنْقَلِ اللَّهِ)، (11) ومحى (فَأَمْهَلَ)
وكتب: (فَمَهَلَ)، (12) وكتب: (لَمْ يَشْتَهِ)، (13) الحق فيها الماء، (14)

Maksud :*Daripada Hani' al-Barbari hamba* ‘Uthman telah berkata : Ketika aku bersama dengan ‘Uthman, dan mereka (para sahabat) sedang membentangkan penulisan mashaf-mashaf. Aku telah serahkan kepada Ubay bin Ka‘ab kepingan tulang biri-biri yang mana tertulis (فَأَنْهَلُ الْكَافِرِينَ) (لَا يَتَبَدَّلُ لِلْخُلُقِ) (مَيَسِّرٌ). Ubay telah berkata : Bawakan padaku dakwat, hapuskan satu *al-lam*. Maka ditulis (لِجَنْقِ اللَّهِ) dan buang (فَأَنْهَلُ) dan ditulis (فَمَهَلُ) dan ditulis (مَيَسِّرٌ) dimasukkan dalamnya *al-Ha*.

Selain itu, perkataan *al-Lahn* juga membawa maksud bacaan (القراءة) dan bahasa (اللغة) dan tidak semata-mata bermaksud kesalahan. Ini juga bertepatan dengan ayat al-Quran dalam surah Muhammad ayat 30 :

وَلَئِنْعَرَفَنَّهُمْ فِي لَحْنِ الْقُولِ

Maksud : Engkau akan mengenali mereka dari gaya dan tutur katanya.

Oleh itu, merujuk perkataan *al-Lahn*, periwayatan yang telah dikemukakan oleh Sa‘id bin Jubayr ia membawa maksud bahasa yang ditulis dan dibaca dalam bahasa yang lain (al-Zarqani, 1998 dan al-Suyuti, 1999). Justeru, dakwaan ini tertolak kerana tiga faktor utama iaitu, riwayat yang tidak sahih dan *mutawatir*, mustahil para sahabat hanya bersikap berdiam diri dalam isu berkenaan dan perkataan *al-Lahn* bukan hanya bermaksud kesalahan semata.

Hakikatnya, semakan pembentangan terakhir (*Al-Ardah al-Akhira*) Rasulullah SAW merupakan satu peristiwa penting berkait dengan pengajian al-Quran. Peristiwa ini adalah merupakan kata putus atau kemuncak kesempurnaan wahyu Allah Taala. Melalui peristiwa inilah, sesuatu bacaan itu ditapis dan dimuktamadkan sebagai al-Quran. Pembentangan yang berlaku antara Rasulullah SAW dengan Jibril a.s bertujuan untuk memperkuatkan hafalan, mengetahui apa yang dinasakhkan, diajar dengan bacaan yang meliputi tujuh huruf serta mengetahui makna seperti mana yang dikehendaki oleh Allah Taala. Pembentangan ini berlaku melalui hafalan dan bukan dengan bacaan yang berpandukan instrumen atau alatan penulisan al-Quran.

Setiap tahun Rasulullah SAW akan membentangkan bacaan al-Quran di hadapan Jibril a.s . Proses pembentangan bacaan al-Quran antara Rasulullah SAW dan Jibril a.s ialah pada bulan Ramadhan. Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas r.a katanya: *Rasulullah s.a.w. adalah orang yang paling pemurah. Baginda lebih pemurah lagi pada bulan Ramadan ketika Jibril menemuinya. Dan Jibril menemuinya pada setiap malam bulan Ramadan untuk bertadarus (mengulang-ulang) al-Quran, Baginda SAW pada ketika itu lebih pemurah dalam memberi kebaikan berbanding dengan angin yang dilepaskan* . (al-Bukhari, 1993. Bab *Bad’ al-Wahy*, No. Hadith: 5 dan Musnad Ahmad, Bab *Bidayah Musnad Abd Allah bin Abbas*, No. Hadith: 2485)

Kesimpulan

Lahirnya mashaf seperti mana yang ada pada hari ini, hakikatnya melalui sejarah yang panjang. Perkembangan penulisan dan penyalinan al-Quran terus berkembang sehingga ke hari ini. Sejarah juga menunjukkan betapa umat Islam sejak zaman berzaman menunjukkan kesungguhan dan keprihatinan dalam pemeliharaan al-Quran. Al-Suyuti (1999) menegaskan, “Tidak ada perbezaan pendapat, bahawa semua bahagian dari al-Quran adalah mutawatir, sama ada dari sudut kandungannya, bahagian-bahagiannya, tempatnya, tema dan susunannya. Kalangan ahlu sunnah juga berpendapat bahawa al-Quran harus diriwayatkan secara *qat'i* (mutawatir). Ini kerana, sesuatu yang menghasilkan kepastian harus mutawatir.”

Dakwaan penafian sebahagian dari ayat Quran dan beberapa isu lain untuk menyerang keaslian al-Quran yang dibangkitkan oleh para musuh Islam hakikatnya merupakan ulangan dari beberapa siri serangan terhadap al-Quran yang lampau. Justeru, sebagai umat Islam, tuntutan mempelajari ilmu berkaitan al-Quran adalah menjadi satu tuntutan agar tidak mudah terpesong dan sesat.

Rujukan

- Abu Zayd, Muhammad Shar'i (1419H). *Jam' al-Quran fi Marahilah al-Tarikhyyah Min al-'Asr al-Nabawi Ilai al-'Asr al-Hadith*. Jamiah Kuwayt. <http://adel-ebooks.sheekh-3arb.info/.../quran/259.rar>
- Al-Alusi, Shihab al-Din Mahmud Ibn 'Abd Allah (1415H). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*. Tahqiq : Ali 'Abd al-Bari Atiyyah. Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin al-Mughirah (1993) *Sahih al-Bukhari : al-Musnad min Hadith Rasul Allah SAW min Sunanah wa Ayyamih*. Dimashq : Dar al-Ulum al-Insaniah.
- Al-Hammad, Ghanim Qadduri (1982) *Rasm al-Mushaf Dirasah Lughawiyyah Tarikhyyah*. Baghdad: al-Lajnah al-Wataniyyah li al-Ihtifal bi Matla' al-Qarn al-Khamis 'Ashar al-Hijri.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahy al-Din Yahya bin Sharf (1392H) *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Qattan, Manna' Khalil. (1998) *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Bayrut : Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr (1999) *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Tahq: Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Bayrut: Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr (2003) *al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur*. Misr : Dar Hibr.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir bin Kathir Abu Ja'far (2000) *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Bayrut : Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zarkashi, Badr al-Din bin Abd Allah (2001) *al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-'Azim (1995) *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Bayrut : Dar al-Kutub al-'Arabi
- Ibn Abi Dawud, Abu Bakr 'Abd Allah bin Sulayman al-As'at al-Sajistani (2002) *Kitab al-Masahif*. Bayrut : Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani (2008) *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut : Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar bin Kathir (1999) *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Misr : Dar al-Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abu Bakr Ayyub al-Zar'i (1986) *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*. Bayrut : Mu'assah al-Risalah.
- Ibrahim Mustaffa, Ahmad Ziyat, Hamid Abd al-Qadir dan Muhammad al-Najar. (2004) *al-Mu'jam al-Wasit*. Jumhuriyyah Misr al-Arabiyyah. Majma' al-Lughah al-Arabiyyah.
- Idris Hamid Muhammad(2003) *Ara' al-Mushtashriqin Hawla Mafhum al-Wahy*. Majma' al-Malik Fahd Li Tiba'ah al-Mushaf al-Sharif.
- John Gilchrist (1989) *Jam' Al-Quran - The Codification of the Quran Text. A Comprehensive Study of the Original Collection of the Quran Text and the Early Surviving Quran Manuscripts*. Republic of South Africa: MERCSA.
- Khalid Kabir Ilal (2008) *Abatil Wa Khurafat Hawl al-Nabi wa al-Quran al-Karim*. www.alukah.net
- Muhammad Abu Shahbah (1987) *al-Madkhal Li Dirasah al-Quran al-Karim*. Saudi : Dar al-Liwa'
- Muhammad al-Habshi (1999) *al-Qira'at al-Mutawatirah wa Atharuha fi Rasm al-Quran wa al-Ahkam al-Shariyyah*. Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Muslim bin al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qushayri (1365H) *al-Jami' al-Sahih al-Musamma Sahih Muslim*. Bayrut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Sha'ban Muhammad Isma'il (2001) *Rasm al-Mashaf wa Dabtuhu Bayn al-Tawqif wa al-Istilahat al-Hadithah*. Qahirah : Dar al-Salam Li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Subhi Salih (1977) *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Bayrut : Dar al- 'Ilm Li al-Malayin.
- Udah bin Mohsin (2002) *Beberapa Kekeliruan Mengenai Pngumpulan al-Quran*. Jurnal Yadim. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

¹*Hadith Mudtarib* ialah hadith yang diriwayatkan dengan berbagai-bagai lafaz dan mempunyai maksud yang berbeza, tetapi mempunyai persamaan dari segi kekuatannya. Ia menggambarkan bahawa hadith *Mudtarib* mesti mempunyai riwayat yang banyak dan berbeza-beza dari sudut pengertiannya yang tiada jalan bagi menyatukan pengertian tersebut. Hukum hadith *Mudtarib* adalah *da'if* dan tertolak (*Mardud*), kerana ketidakselaran maksud hadith menggambarkan bahawa perawi tidak *dabityang* merupakan salah satu syarat hadith *Maqbul*. (Mohd Muhibin Abd Rahman, 2010)